

23/01/2003

PM ajak umat Islam bersatu

Mahfar Ali

KAHERAH: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang diundang Syeikhul Al-Azhar, Dr Mohamed Sayed Tantawi untuk menyampaikan ceramah di Universiti Al-Azhar

semalam, mengajak umat Islam kembali berpegang kepada asas ajaran agama itu sebelum terlanjur lebih jauh hingga mencetuskan konflik sesama ummah.

Sambil memetik pepatah Melayu "kalau sesat jalan kembalilah ke pangkal jalan", Perdana Menteri yang tiba di sini malam kelmarin, berkata umat Islam kini jelas kehilangan arah dan keliru berikutan perbezaan tafsiran mengenai Islam yang dibuat tanpa memberi penekanan terhadap ajaran asas Islam yang mementingkan keamanan dan persaudaraan.

Dalam ceramah bertajuk 'Perpaduan Islam Dalam Menghadapi Cabaran dan Ancaman', Dr Mahathir berkata, sesetengah ajaran itu terlalu berbeza hingga pengikut masing-masing saling tuduh menuduh kononnya yang lain tidak Islam.

Beliau berkata, kekeliruan akibat tafsiran yang berlainan ini berikutan

wujud terlalu banyak mazhab atau tarikat, menyebabkan umat Islam terus berpecah serta sering berbalah, sedangkan al-Quran merujuk semua umat Islam sebagai saudara.

"Sebagai saudara kita seharusnya saling menyayangi dan bersatu seperti dalam satu keluarga. Ini adalah asas ajaran Islam. Perkara ini jelas dan tidak ada perbezaan dalam mentafsirkannya," katanya pada majlis yang dihadiri kira-kira 2,000 ahli akademik dan pelajar universiti itu termasuk penuntut Malaysia.

Ini adalah kali pertama seorang pemimpin negara Islam diundang menyampaikan ceramah di universiti itu. Majlis itu dianjurkan sempena lawatan kerja dua hari Perdana Menteri ke Mesir.

Rombongan Dr Mahathir turut disertai Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali,

Menteri Luar Datuk Syed Hamid Albar, Menteri Besar Perlis, Datuk Seri Shahidan Kassim, Penasihat Agama kepada Perdana Menteri, Tan Sri Abdul Hamid Othman dan Duta Malaysia ke Mesir Datuk Abu Bakar Daud.

Hadir sama Mufti Kedah, Datuk Sheikh Hasbullah Abdul Halim; Mufti Perlis, Datuk Mat Jahaya Husin; Mufti Johor, Datuk Noh Gadot dan Timbalan Mufti Kelantan, Datuk Shukri Mohamad.

Dalam ucapannya, Dr Mahathir memberi banyak contoh mengenai tafsiran bercanggah mengenai Islam seperti menganggap sains dan teknologi sebagai subjek sekular, dunia tidak penting dan umat Islam tidak perlu berbuat apa-apa untuk mempertahankan diri kerana musuh Islam akan diberi balasan di neraka manakala umat Islam sudah dijanjikan syurga.

Selain itu, umat Islam dibezakan mengikut pakaian dengan menuduh orang yang tidak berpakaian cara mereka sebagai kurang Islam.

Di Malaysia, kata Perdana Menteri, penduduk Islamnya kini berpecah akibat tindakan pemimpin sebuah parti politik Islam memesongkan ajaran Islam, termasuk menuduh sesiapa yang tidak menjadi ahlinya sebagai kafir

dan mengundi parti itu dalam pilihan raya diberi jaminan syurga.

Malah, katanya, umat Islam semakin keliru kerana diajar supaya menerima apa saja tafsiran mengenai Islam yang sudah dibuat sejak lama dulu, tetapi

pada masa yang sama orang yang menyampaikan ajaran itu sendiri mengeluarkan fatwa baru setiap hari.

"Tafsiran yang dibuat itu hanya bertujuan untuk mengukuhkan kedudukan mereka dalam masyarakat dan bagi kepentingan politik," katanya.

Dr Mahathir berkata, umat Islam boleh berbeza pendapat, tetapi mesti tetap bersaudara dan bersikap seperti saudara supaya bersatu dan kuat.

Sebagai satu ummah, katanya, umat Islam tidak seharusnya diasingkan mengikut bangsa dan negara, tetapi apa yang berlaku masyarakat Islam kini mengasingkan diri mereka sendiri mengikut negara dan lebih taat terhadap negara masing-masing berbanding Islam itu sendiri.

Malah, Dr Mahathir berkata, mereka lebih bersedia berlawan dengan saudara seislam dari negara lain bagi kepentingan negara sendiri dan sanggup berpecah dan menyertai musuh termasuk yang bukan Islam.

Perdana Menteri percaya umat Islam yang sebelum ini tidak pernah dihina seteruk hari ini, akan terus ketinggalan, kurang berilmu, tidak mampu mempertahankan diri sendiri dan agama serta terpaksa mengambil tindakan keganasan untuk membalas dendam selagi tidak berpegang pada ajaran Islam sebenar.

"Kita tidak mengendahkan tuntutan al-Quran bahawa Allah tidak akan mengubah nasib kita kecuali kita berusaha mengubahnya sendiri," kata Dr Mahathir yang sebelum itu turut mengadakan perbincangan dengan Presiden Hosni Mubarak pada sebelah tengah hari di Heliopolis.

Sebelum itu, beliau menemui rakan sejawatnya, Dr Atef Muhammad Muhammad Ebeid. Kali terakhir Dr Mahathir mengadakan lawatan ke sini ialah pada Jun 2000 bagi menghadiri sidang kemuncak G-15.